



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

“JPJ ANJUR SEMINAR TADBIR URUS INSTITUT MEMANDU MALAYSIA TAHUN 2024”

MELAKA, 10 Oktober 2024 – Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) melalui Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia telah menganjurkan Seminar Tadbir Urus Institut Memandu Malaysia Tahun 2024 yang menghimpunkan wakil-wakil daripada 245 Institut Memandu (IM) di seluruh negara.

Seminar yang berlangsung selama dua (2) hari pada 10 Oktober dan 11 Oktober 2024 telah dirasmikan oleh YB Datuk Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia di MITC, Melaka.

Penganjuran seminar yang bertemakan ‘Integriti Latihan Pemanduan Pemacu Keselamatan Jalan Raya’ merupakan salah satu usaha MOT dan JPJ untuk meningkatkan tahap integriti, profesionalisme dan keupayaan IM dalam melaksanakan tatakelola ke arah menjamin kelestarian keselamatan jalan raya seterusnya sebagai pusat latihan pemanduan yang lebih berkualiti dalam melahirkan pemandu yang selamat dan kompeten.

Seminar yang dianjurkan pada kali ini turut menampilkan pakar-pakar daripada Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS), Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT), PDRM, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sebagai sebuah wacana intelektual hasil kajian dan penilaian untuk membina nilai-nilai holistik terutamanya memikirkan usaha keselamatan jalan raya.

Penganjuran seminar ini juga merupakan satu platform MOT dan JPJ bersama IM dalam mencetuskan inovasi dan idea baharu bagi memperkasakan peranan IM seterusnya komitmen serta menyokong usaha kerajaan dalam pelaksanaan dasar dan program berkaitan pelesenan pemandu.

MOT dan JPJ berharap seminar ini juga sebagai langkah permulaan yang strategik ke arah merintis IM sebagai pusat kecemerlangan pemanduan untuk sosioekonomi dan keselamatan jalan raya. Usaha ini juga selari dengan hasrat kerajaan untuk mencapai matlamat pengurangan 50% statistik kematian yang melibatkan kemalangan jalan raya pada tahun 2030.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA
10 OKTOBER 2024**

[TAMAT]